

UMS Raih 3 Emas di Konvensyen Team Excellent 2017

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 11 Ogos 2017 18:24 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 568

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

JUMAAT, 11 OGOS – Kumpulan Tahammas dari Jabatan Bendahari UMS sekali lagi melakar sejarah apabila dinobatkan sebagai penerima Anugerah Emas dalam pertandingan Konvensyen *Team Excellent 2017* Zon Wilayah Sabah dan Sarawak yang berlangsung di Le Meridien, Kota Kinabalu.

Turut mengekori langkah kanan kumpulan itu ialah kumpulan ECO-TECH dari Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) dan kumpulan E-CODE dari Jabatan Pendaftar.

Ketiga-tiga Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) UMS itu meraih anugerah emas apabila berjaya memukau para juri dengan persembahan projek yang mantap dan menepati kriteria yang

telah ditetapkan.

Majlis Penyampaian hadiah dan sijil disampaikan oleh Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Datuk Ag. Buhtamam Ag. Mahmud.

Konvensyen yang diadakan selama dua hari sehingga Rabu itu menyaksikan sebanyak 36 kumpulan dari Sabah dan Sarawak telah mengambil bahagian.

Oleh Mardianah Shamsudin (Pelajar Latihan Industri BPK)